

Runtuhan tebing jadi punca

Sungai Selangor keruh akibat faktor semula jadi, Luas pantau elak keadaan kritikal

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menjelaskan punca sebenar kekeruhan Sungai Selangor minggu lalu, sehingga mengganggu operasi empat loji pembersihan air adalah disebabkan oleh runtuhan tebing sungai di beberapa tempat sepanjang anak Sungai Kerling.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, siasatan yang dijalankan oleh Lembaga Urus Air Selangor (Luas) mengesan kejadian runtuhan tebing berlaku kira-kira 2 kilometer dari Stesen Jana kuasa Mini Hidro Sungai Kerling berhampiran

sempadan Selangor-Pahang.

"Runtuhan ini dipercayai terjadi secara semula jadi akibat hujan lebat kerana tiada aktiviti luar biasa dikesan di kawasan tersebut seperti perlombongan ataupun penebangan hutan.

"Luas dan agensi lain yang terlibat akan terus memantau runtuhan tersebut untuk mengelak kejadian yang lebih teruk," katanya, semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan mengarahkan Luas untuk merangka plan khas untuk memastikan kejadian air keruh ini tidak berulang kembali.

Menurutnya, Kerajaan Negeri meminta Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) memastikan loji pembersihan mampu untuk mengatasi masalah sebegini pada masa akan datang.

"Sepertimana yang dikatakan sebelum ini, masalah bekalan air di Selangor berpunca daripada kapasiti loji pembersihan untuk menyalurkan air bersih secukupnya dan bukan kekurangan bekalan air mentah," katanya.

Sebelum ini, Syabas memberi amaran bahawa terdapat kira-kira tiga juta penduduk di Lembah Klang akan terputus

bekalan air ekoran kekeruhan air dari loji air Sungai Selangor di Ijok.

Kekeruhan air itu menyebabkan kadar pengeluaran air terjejas sebanyak 60 peratus di empat loji, kata Syabas.

Hasilnya, kekeruhan luar biasa iaitu pada tahap 6,000 NTU (Nephelometric Turbidity Unit) di sebelah pagi direkodkan berbanding 300 NTU pada hari biasa.

Sementara itu, kekeruhan air di Kuala Badong di Sungai Selangor direkodkan pada paras 399 NTU sehingga pukul 5 petang Isnin lalu.

Sg Selangor keruh luar biasa

Bekalan air lapar wilayah akan terjejas jika situasi berterusan

BESTARI JAYA - Spurk Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) mengumumkan Plan Tindakan Keemasan (ERP) Kod Merah di seluruh di lapar wilayah Syabas pada 4 petang, semalam berikutan gangguan pengeluaran air di empat loji rawatan air di daerah itu.



Kondisi air sungai yang mengakibatkan kekeruhan luar biasa semalam.



Abdul Halim semasa memantau air yang keruh di loji berkenaan.



“Lapar wilayah yang terlibat adalah Kuala Lumpur, Petaling, Gombak, Klang, Hulu Selangor, Kuala Langat, Kuala Langat dan Sabak Bernam manakala wilayah Sepang dan Hulu Langat tidak terjejas.”

Abdul Halim

menyampaikan bahawa akan status pertanahan supaya memperluaskan Pasai, Perlembagaan Selangor Syabas (PUSP) memuat talian bekalan air yang berprestasi 24 jam sehari di dalam 1 400-80-2222.

Orang ramai boleh menghubungi sistem pesanan ringkas (SMS) dengan mengemukakan (PUSP) dan sahkan pertanahan dan hantar kepada 392, akan boleh membuat akan di run Facebook atau Twitter dengan mengemukakan atau per Syabas.

Laporan Sinar Harian mengenai isu berkenaan kelmarin.